



AZIH MUDA (depan, dari kiri) dan Ismail Othman (lima dari kiri) bersama penjawat awam pihak Berkuasa Tempatan Zon Selatan selepas majlis perhimpunan di Dewan Taming Sari MBMB, Melaka, semalam. - UTUSAN/AZLI AHAD

CUEPACS cadang rebat skim rumah pertama

Oleh **FADZLY IZAB**
pengaran@utusan.com.my

■ **MELAKA 23 NOV.**

KONGRES Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) memberi cadangan agar kerajaan dapat menawarkan rebat bagi skim rumah pertama kepada penjawat awam dan generasi muda.

Presidennya, Datuk Azih Muda berkata, perkara itu dilihat perlu memandangkan harga rumah sentiasa meningkat dengan ketara dari semasa ke semasa hingga menyukarkan golongan tersebut untuk memiliki rumah sendiri.

Menurutnya, lebih membebankan lagi, para pembeli rumah baharu kini turut perlu menanggung cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang dikenakan kepada bahan-bahan binaan yang digunakan bagi membina sesebuah rumah.

“Secara keseluruhannya, jika

sebuah rumah berharga lebih RM180,000 maka pembeli perlu membayar RM30,000 untuk kadar cukai sahaja dan jumlah tersebut sangat besar bagi mereka yang berpendapatan rendah mahupun sederhana.

“Sehubungan itu, kita berharap kerajaan tidak mengenakan GST bahan-bahan binaan kepada pembeli rumah pertama atau memulangkan semula kadar GST tersebut dalam bentuk rebat kepada pembeli,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita dalam majlis Perhimpunan Penjawat Awam Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Zon Selatan di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Ayer Keroh, di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ismail Othman.

Menurut Azih, nilai rebat yang dibayar untuk GST itu sekurang-

kurangnya boleh dibelanjakan untuk mereka membeli peralatan dalam rumah termasuk keperluan melengkapkan rumah itu sendiri.

“Perkara ini penting dan kerajaan perlu melihat secara drastik keperluan golongan muda untuk memiliki rumah ini kerana ramai dalam kalangan mereka mengadu kelayakan membeli rumah semakin terbatas disebabkan harga rumah yang tinggi,” ujarnya.

Sementara itu beliau berkata, CUEPACS turut meminta kerajaan agar dapat menilai semula harga rumah bukan berasaskan kepada spekulatif harga pasaran sebaliknya berdasarkan pada parameter ekonomi.

“Jika kerajaan menggunakan parameter ekonomi seperti teknologi Sistem Binaan Berindustri (IBS) dan sebagainya, kita yakin harga rumah semasa akan dapat dikurangkan seterusnya membolehkan rakyat terutamanya golongan muda memiliki rumah kediaman,” tambahnya.